



KAMAL Amran Kamarudin (tiga dari kiri) dan Rosman Zulkifli (dua dari kiri) menyampaikan bungkusan makanan kepada anggota bomba dan penyelamat pada Konvoi Ziarah Sahur, Raikan Ramadan Utusan Malaysia-Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) di Seremban, Negeri Sembilan, awal pagi semalam.



KAMAL Amran Kamarudin (kanan) menyampaikan bekal makanan untuk bersahur kepada kakitangan Hospital Tuanku Ja'afar pada Konvoi Ziarah Sahur, Raikan Ramadan Utusan Malaysia-Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) di Seremban, Negeri Sembilan, awal pagi semalam. - UTUSAN/ABD RAZAK AID

Ziarah sahur Utusan-MAINS berjaya



KAMAL Amran Kamarudin (berdiri, sembilan dari kanan), Rosman Zulkifli (tujuh dari kanan) dan Ainol Amriz Ismail (tengah) bersama anak-anak yatim pada Konvoi Ziarah Sahur, Raikan Ramadan Utusan Malaysia-Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) di Seremban, Negeri Sembilan, awal pagi semalam.

Oleh FARABI SHEIKH SAID
AL JABRI
pengarang@utusan.com.my

SEREMBAN 15 Julai - Konvoi Ziarah Sahur, Raikan Ramadan Utusan Malaysia-Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang mengedarkan bekal makanan untuk bersahur awal pagi ini, diberi sambutan memberangsangkan di setiap lokasi hentian.

Setiausaha MAINS, Kamal Amran Kamarudin berkata, sebaik sahaja konvoi bergerak pada pukul 1.30 pagi dari Masjid Negeri dan berakhir bersahur dan solat subuh bersama anak yatim di Pertubuhan Anak Yatim Al-Khair, Sikamat, semuanya menyambut baik program yang diadakan itu.

"Semasa kami mengedarkan bungkusan makanan kepada anggota bomba di Balai Bomba dan Penyelamat, Rahang kami disambut dengan begitu mesra sehingga diberi peluang melihat persiapan mereka untuk sesuatu operasi menyelamat.

"Begitu juga di Hospital Tuanku Ja'afar, di mana kita berpeluang mengedarkan lebih 200 bungkusan makanan kepada kakitangan hospital itu yang bekerja awal pagi untuk bersahur," katanya ketika ditemui di Pertubuhan Anak Yatim Al-Khair, Sikamat selepas mengerjakan solat subuh bersama anak yatim, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengurus

Kanan Pengedaran Utusan Melayu (M) Berhad, Rosman Zulkifli; Ketua Biro Negeri Sembilan, Ainol Amriz Ismail dan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang sama-sama mengedarkan bungkusan makanan awal pagi tadi.

Sebanyak 500 bungkusan makanan diedarkan di 11 lokasi, antaranya di Balai Polis Senawang, Hospital Pakar Salam Senawang, Balai Polis Rahang, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri, Balai Bomba dan Penyelamat Rahang, Hospital Tuanku Ja'afar, Kem Rasah, Hospital Pakar KPJ Seremban dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)

Menurut Kamal Amran, program kolaborasi antara akhbar Utusan Malaysia, MAINS dan USIM ini adalah yang terbaik dan jelas menunjukkan ia memberi fokus kepada individu yang bekerja pada awal pagi dalam bulan Ramadan, selain diberikan juga kepada orang ramai khususnya di kawasan HTI.

"Program sebegini baik digerakkan secara bersama dan kehadiran kakitangan akhbar Utusan Malaysia serta pelajar USIM, tentulah ia sesuatu amat dialu-alukan," katanya.

Sementara itu, Rosman berkata, ini bukan kali pertama Utusan Melayu (M) Berhad bekerjasama dengan MAINS dan USIM, malah pada tahun lalu, pihak akhbar ini turut menganjurkan program bubur

lambuk untuk diedarkan kepada umat Islam di pekarangan Masjid Negeri dalam bulan Ramadan.

"Kita dapati, maklum balas yang diterima daripada mereka yang terlibat dan menerima bekal makanan itu awal pagi ini begitu memberangsangkan dan mahu ia dilakukan setiap tahun dengan skala yang lebih besar. Program ini diteruskan pada awal pagi 20 Julai ini di sekitar Port Dickson pula," katanya.

Bagi pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM, Muhammad Afdal Noor Azman, 21, ini kali pertama dia berpeluang menyertai program ziarah sahur itu.

"Kami begitu gembira dan bersyukur kerana dapat melakukan kerja amal ini. Nyata, peluang beramah mesra dengan mereka yang bekerja pada awal pagi dalam bulan Ramadan seperti polis, bomba, kakitangan hospital, benar-benar menyentuh perasaan.

"Mereka berbakti kepada masyarakat dan kami mengedarkan bungkusan makanan untuk bersahur sebagai menyatakan tanda ucapan terima kasih di atas segala bakti dicurahkan itu," ujarnya.

Program Ziarah Sahur, Raikan Ramadan ini berakhir sekitar 6.30 pagi ini di Pertubuhan Anak Yatim Al-Khair, Sikamat dengan bersahur bersama 30 anak yatim di situ selain menyampaikan sumbangan duit raya dan solat subuh berjemaah.